



**GARIS PANDUAN UMUM PELAKSANAAN KERJA UNDI
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN KUALA SELANGOR
BIL 2 TAHUN 2026 SECARA BERSEMUKA(HADIR SEMASA UNDI)**

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Selangor akan melaksanakan proses kerja undi secara *BERSEMUKA(HADIR SEMASA PROSES UNDI)*

Pendaftaran kontraktor untuk menyertai proses undi ini akan dilaksanakan secara *bersemuka* walaubagaimanapun borang pendaftaran **WAJIB** dibeli, dimuat turun dan diisi serta membawa borang tersebut dan dokumen-dokumen yang diperlukan semasa hari pengundian. **Pendaftaran pada hari pengundian sahaja diterima.**

Syarat-syarat kelayakan kontraktor untuk menyertai proses kerja undi ini adalah seperti berikut :

1. Terbuka pada kontraktor Kejuruteraan Awam kelas G1 yang berdaftar di daerah Kuala Selangor sahaja. (kod bidang pengkhususan dan syarat tambahan adalah berdasarkan kerja yang ditawarkan);
 - a) Kerja Membaikpulih Jalan Ladang Pertanian (B21) – **(Kerja Undi A)**
 - **CE01 dan CE21 serta mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (TCC)**
 - b) Kerja-kerja lain – **(Kerja Undi B)**
 - **CE21 serta mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (TCC)**
2. Mana-mana Kontraktor Kejuruteraan Awam kelas G1 yang telah berjaya mendapat kerja bersama Jabatan ini pada tahun 2026, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai program kerja undi ini;
3. Kontraktor hendaklah berdaftar dengan **CIDB** dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (**PKK**), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (**SPKK**) serta Sijil Taraf Bumiputera (**STB**), Sijil Pematuhan Cukai (**TCC**) dan **Penyata Bank Terkini**. Sijil pendaftaran **UPEN** hendaklah masih berkuatkuasa;
4. Mana-mana kontraktor yang menyertai adalah **BERSETUJU DAN MENGAKU BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH BENAR. SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN ADALAH TIDAK BENAR, KONTRAKTOR TERSEBUT ADALAH TIDAK LAYAK UNTUK MENYERTAI PROSES UNDI INI DAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN.**

Tarikh : 24 September 2026 (Khamis)

Masa pendaftaran : 9.00 pg – 10.00 pg

Masa Cabutan : 10.30 pagi

Lokasi : Pejabat Mekanikal Dan Pengairan, Tanjung Karang

BIL	PERKARA YANG PERLU DIBAWA
1	Borang pendaftaran (perlu dimuat turun dari tender online)
2	Salinan asal SSM, CIDB, SPKK, STB, Resit, Penyata Bank terkini dan lain-lain sijil berkaitan
3	Tax Compliance Certificate (TCC)
4	Pengenalan diri (WAJIB dihadiri oleh penama lesen) dan Cop Syarikat